

Pelajar  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

### **MAKLUMAT PENTING SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2010-2011**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 1 Sesi Akademik 2010-2011 akan bermula pada 20 September 2010. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan ingatan saudara/i.

#### **1. PENGEDARAN BAHAN BACAAN SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2010-2011**

Sukacita dimaklumkan bahawa pengedaran bahan bacaan Semester 1 Sesi Akademik 2010-2011 akan dijalankan di pusat kuliah masing-masing sepertimana pada tarikh, masa dan tempat di **Lampiran 1** (kecuali Program Sarjana Kesihatan Masyarakat dan Sarjana Undang-Undang Perniagaan, Pusat Kota Kinabalu – tidak dibekalkan buku). Eksekutif PKP akan berada di pusat-pusat tersebut untuk membantu saudara/i dalam hal berkaitan dengan urusan PKP.

Pelajar yang **TIDAK** membuat pendaftaran awal, sila buat pendaftaran kursus dalam menu **Daftar kursus/Gugur Tambah Kursus** di SMPE terlebih dahulu mulai 20 September 2010. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.

Serahan buku teks/modul/nota **DIUTAMAKAN** kepada pelajar yang telah membuat pendaftaran awal. Pelajar pusat kuliah UKM yang tidak membuat pendaftaran awal akan diberikan buku mulai 20 September 2010 tertakluk kepada stok di PKP.

Semua pelajar yang mendaftar secara atas talian **selepas 20 September 2010**, dikehendaki untuk **membawa cetakan pendaftaran kursus** daripada SMPE (2 salinan) ketika **mengambil buku**.

#### **2. YURAN PENGAJIAN**

Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester **sebelum atau pada 15 Ogos 2010**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Perlu diingatkan PKP **tidak menerima bayaran** yuran secara **TUNAI** pada hari pendaftaran di semua pusat kuliah. Pembayaran yuran melalui kad kredit hanya diterima di UKM, Bangi sahaja pada hari pendaftaran.

Sila bawa salinan pembayaran yuran semasa mengambil buku sebagai bukti bayaran sekiranya data belum dikemaskini oleh Bahagian Kewangan.

Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan **sistem KewPKP**. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan Katalaluan adalah sama dengan SMPE.

**3. UJIAN MUET SEBAGAI SYARAT PENGIJAZAHAN**

Pelajar program sarjanamuda perlu mengambil dan lulus ujian MUET sebagai salah satu syarat pengijazahan. Status MUET boleh disemak di SMPE.

**4. PENGECCUALIAN KURSUS**


Pelajar program sarjanamuda boleh memohon pengecualian kursus untuk Latihan Amali/Industri. Sila kemukakan permohonan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing **melalui PKP**. Kelulusan adalah tertakluk kepada fakulti. Status pengecualian kursus boleh disemak di SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada Semester 2 Sesi Akademik 2009-2010.

Selamat maju jaya dan tabah dalam menghadapi cabaran pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**MOHD HAFIZ MOHD SUKOR**  
Pengurus  
Bahagian Pengurusan Akademik dan Program

- s.k. - Timbalan Pengarah  
- Penyelaras Program  
- Penyelia Pusat Kuliah

**Pelajar Pusat Kuliah Bangi dan Kuala Lumpur**

**Pelajar Yang Telah Buat Pendaftaran Awal Sahaja**

1. a) Tarikh : 30 Ogos – 3 Sept 2010 (Isnin – Jumaat) \*Selasa cuti  
Masa : 8.15 pagi – 4.45 petang  
Tempat : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
Program : Semua program
- b) Tarikh : 4 – 5 Sept 2010 (Sabtu – Ahad)  
Masa : 9.00 pagi – 3.00 petang  
Tempat : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
Program : Semua program

**Pelajar Yang Tidak Buat Pendaftaran Awal**

2. a) Tarikh : 20 – 24 Sept 2010 (Isnin – Jumaat)  
Masa : 8.15 pagi – 8.00 malam  
Tempat : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
Program : Semua program
- b) Tarikh : 25 – 26 Sept 2010 (Sabtu – Ahad)  
Masa : 9.00 pagi – 3.00 petang  
Tempat : Aras Bawah, Bangunan Wawasan, UKM Bangi  
Program : Semua program

**Pelajar Pusat Kuliah Melaka**

Tarikh : 25 Sept 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : Politeknik Merlimau  
Staf bertugas : En Raja Noor Azri Raja Noor Afandi

**Pelajar Pusat Kuliah Kota Bharu**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : KIAS  
Eksekutif bertugas : Pn Mazuna Jamaluddin

**Pelajar Pusat Kuliah Alor Setar**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : Kolej Poly-Tech MARA  
Eksekutif bertugas : Pn Noraeskah Awang

**Pelajar Pusat Kuliah Kuching**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : ETP Management Sdn Bhd  
Eksekutif bertugas : Pn Noramiza Kamarudin

**Pelajar Pusat Kuliah Kota Kinabalu**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : Kolej Yayasan Sabah  
Eksekutif bertugas : Cik Jamaliah Mohamed

**Pelajar Pusat Kuliah Johor Bahru**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : Foyer Blok P16 Fak. Kejuruteraan Elektrik UTM Skudai  
Eksekutif bertugas : En Shamsul Adzhar Mat Baki

**Pelajar Pusat Kuliah KIPSAS**

Tarikh : 2 Okt 2010 (Sabtu)  
Masa : 8.30 – 10.00 pagi  
Tempat : KIPSAS  
Eksekutif bertugas : Pn Noor Suzilawati Desa